## KADAR KOMPAUN

1. Setiap kesalahan dibawah Akta, boleh dikompaun maksimum sehingga RM500.00.
2. Bagi kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil boleh dikompaun maksimum sehingga RM250.00.
3. Atau jika kesalahan dilakukan berkait antara Akta dan Undang-Undang Kecil nilai kompaun boleh digabungkan sehingga RM750.00.



# MAHUKAH ANDA DIDAKWA DI MAHKAMAH

Jika tidak....pastikan anda menjelaskan kompaun yang anda terima dalam masa 7 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan.

## PENGURANGAN/ RAYUAN KOMPAUN

Pertimbangan untuk mengurangkan kompaun yang dikenakan boleh dibuat kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan syarat mengemukakan:

1. Surat Rayuan.
2. Mengemukakan alasan-alasan yang munasabah.
3. Bukti-bukti yang sah.

Permohonan pengurangan kompaun tidak semestinya dilayan oleh Majlis.

## BAYARAN KOMPAUN

Semua bayaran boleh dibuat di Jabatan Kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah melalui kiriman wang pos atau "money order" di atas nama "Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah".

**PASTIKAN ANDA MENDAPAT RESIT SETIAP KALI MEMBUAT BAYARAN**

# INGAT!!!

"Kejahilan undang-undang bukanlah alasan untuk tidak menerima hukuman"

Jika anda ada masalah berhubung dengan undang-undang yang dikuatkuasa oleh MBMB, sila hubungi:

JABATAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN,
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
Graha Makmur, No.1,
Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka.
Tel: 06-2328411 / 2500812 Faks: 06-2329716
e-mail: kompaun@mbmb.gov.my
Laman web: //www.mbmb.gov.my

"Esok Bermula Hari Ini"

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

# KETAHUILAH UNDANG-UNDANG MBMB SUPAYA TIDAK DIKOMPAUN



Jabatan Perundangan Dan Penguatkuasaan

## AKTA-AKTA YANG DIGUNAPAKAI OLEH MBMB

1. Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976.
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).
3. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
4. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154).
5. Akta Makanan 1983 (Akta 281).
6. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).
7. Akta Kawalan Sewa 1966 (Akta 363).
8. Akta Distres 1951 (Akta 255).
9. Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Memberi kuasa kepada MBMB untuk menggubal dan menguatkuasakan Undang-Undang kecil di dalam kawasan pentadbirannya seluas 314 km persegi.





## KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Antara kesalahan yang boleh dikompaun ialah:

1. Kekotoran - Mengotori tempat awam.
2. Halangan - Menghalang dengan meletakkan barang-barang perniagaan atau kenderaan di tempat awam.
3. Berniaga atau menjaja tanpa lesen.
4. Tidak mematuhi syarat lesen perniagaan.
5. Tidak memakai apron dan penutup kepala semasa mengendalikan makanan.
6. Membuat sesuatu yang menyebabkan kacau ganggu.



## TAHUKAH ANDA APA ITU TEMPAT AWAM

Tempat awam merangkumi:

1. Jalan dan lorong.
2. Taman/taman bunga/taman permainan.
3. Kawasan air pancutan.
4. Pulau lalulintas (Traffic-Island).
5. Sungai dan tebing Sungai.
6. Tempat tumpuan orang ramai.
7. Tempat-tempat di mana orang ramai boleh lalu dan masuk.

## SIAPA YANG BOLEH MENGELUARKAN KOMPAUN





Kompaun kesalahan bagi sesiapa yang didapati melanggar mana-mana Akta dan Undang-Undang Kecil Majlis hanya boleh dikeluarkan oleh Anggota Penguatkuasa MBMB.

Anggota Penguatkuasa Majlis sama ada beruniform atau tidak beruniform boleh dikenali dengan kad kuasa yang ada padanya.

## ANDA INGIN PENJELASAN?

Jika anda inginkan penjelasan atas tindakan yang diambil oleh penguatkuasa MBMB, sila datang ke Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk mendapat penjelasan lanjut.

**KAMI SEDIA MEMBERIKAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN MASALAH ANDA !!!**